

JABATAN PERTANIAN
(Department of Agriculture)

~~BAHAGIAN PERLINDUNGAN TANAMAN~~
~~DAN KUARANTIN TUMBUHAN~~

~~(Plant Protection & Quarantine Division)~~

TINGKAT 1 - 3, WISMA TANI


JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50632 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-20301400 Fax: 03-26913550 / 03-26913530

BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN
PLANT BIOSECURITY DIVISION



JABATAN
PERTANIAN



Ruj. Tuan. :

Ruj. Kami. : JP PTK 207/KIE/350/A (29)

Tarikh : 13 November 2013

Seperti Senarai Edaran,

Tuan/Puan,

**LANJUTAN PEMBERITAHUAN KEPERLUAN PERMIT IMPORT KE
ATAS ARTIKEL TERKAWAL, TUMBUHAN DAN PRODUK
TUMBUHAN KAWALAN DI BAWAH AKTA KUARANTIN
TUMBUHAN 1976**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Jabatan Pertanian JP PTK 207/KIE/350/A(14) bertarikh 24 Oktober 2013 seperti yang dikepilkan bersama-sama surat ini.

2. Untuk makluman tuan/puan, mulai 1 Januari 2014 semua pengimportan komoditi yang disenaraikan di dalam Lampiran 1 memerlukan Permit Import (Import Permit, IP) dari Jabatan Pertanian dan Sijil Fitosanitasi (Phytosanitary Certificate, PC) dari negara pengeksport.
3. Dalam tempoh *grace period* (GP) tersebut iaitu sebelum 1 Januari 2014, pengimportan tersebut dibenarkan tanpa IP dan PC. Syarat-syarat pengimportan ini akan dikaji semula selepas 6 bulan daripada tarikh berkuatkuasa bergantung kepada pemantauan terhadap pengimportan konsainan tersebut.
4. Semua pengimportan adalah tertakluk kepada pemeriksaan kuarantin dan pengambilan sampel di pintu masuk oleh pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).
5. Sehubungan dengan itu dalam tempoh GP ini, pengimport dinasihatkan untuk menghantar surat permohonan pengimportan secara rasmi kepada Jabatan Pertanian untuk tindakan selanjutnya. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti di Lampiran 2.



6. Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat atau penjelasan lebih lanjut, sila hubungi talian 03-2030 1436 dan 03-2030 1434 (Unit Kawalan Import & PRA).

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"ANDA KAMI UTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah,


(YUSOF BIN OTHMAN)
Timbalan Pengarah,
Penguatkuasaan Kuarantin Tumbuhan
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
b.p Ketua Pengarah Pertanian

s.k. :

1. Ketua Pengarah Pertanian
2. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Operasi)
3. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan)
4. Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
5. Timbalan Pengarah, Kawalan Import & Eksport
6. Timbalan Pengarah, Kepakaran & Diagnostik
7. Timbalan Pengarah, Pengurusan Perosak Tumbuhan
8. Timbalan Pengarah, Koleksi & Repositori Perosak

LAMPIRAN 1

Senarai artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan yang dikawal pada masa kini adalah seperti di bawah :

Bil.	Nama saintifik (Scientific name)	Nama biasa (Common name)	Bentuk diimport (Description form)	Negara Pengeksport	Perlu
1.	<i>Glycine max</i>	Soya	Soybean (Processed and dried for consumptions)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
2.	<i>Zea mays</i>	Maize	Corn Grain (Animal Feed)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
3.	<i>Theobroma cacao</i>	Cocoa	Cocoa bean (Dried for consumption)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
4.	i. <i>Coffea arabica</i> ii. <i>Robusta coffee</i> iii. <i>Coffea liberica</i>	i. Arabica coffee ii. <i>Coffea canephora</i> iii. Liberian coffee tree	Processed and Dried for consumption	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
5.	<i>Nicotiana tabacum</i>	Tobacco	Fresh/Dried leaves	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
6.	<i>Gossypium hirsutum</i>	Cotton	Fresh/Raw Cotton (Dried)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
7.	Famili : <i>Rutaceae</i> Genus : <i>Citrus</i>	Oren dan lain-lain lagi	Buah segar (Fresh fruit)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
8.	Famili : <i>Musaceae</i> Genus : <i>Musa</i>	Pisang	Buah segar (Fresh fruit)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC
9.	Semua spesies rumput/ lalang	Hay	Rumput kering (hay dan straw) untuk makanan haiwan ternakan	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC

Bil.	Nama saintifik (Scientific name)	Nama biasa (Common name)	Bentuk diimport (Description form)	Negara Pengeksport	Perlu
10.	<i>Semua artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan</i>	Tongkol jagung/kulit koko/sagu dan lain-lain	Segar/mentah atau kering (untuk makanan haiwan ternakan)	Dari semua negara pengeskport	IP dan PC

LAMPIRAN 2

1. Selaras dengan **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan *International Standards For Phytosanitary Measures (ISPM) No.11 (Pest risk analysis for quarantine pests, including analysis of environmental risks and living modified organisms)***; semua pengimportan **artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan** dalam keadaan di bawah akan terlebih dahulu dijalankan **Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA)** :

- i. Komoditi baru, yang belum pernah import dari mana-mana negara atau;
- ii. Pengimportan dari negara lain daripada negara yang telah dibenarkan pengimportan sebelumnya atau;
- iii. Bentuk komoditi baru (description form) atau;
- iv. Semakan syarat-syarat pengimportan sedia ada atau;
- v. Terdapat pemintasan perosak tumbuhan termasuk tanah dan lain-lain *contaminant* di pintu masuk atau;
- vi. Terdapat laporan kemerebakkan perosak kuarantin di negara pengeksport.

Oleh yang demikian, bagi menentukan kelulusan sesuatu permohonan pengimportan, Jabatan Pertanian perlu mendapatkan **Teknikal Dokumen** termasuk senarai perosak dari **Pihak Berkuasa Kuarantin Negara Pengeksport (National Plant Protection Organization, NPPO)** untuk menjalankan PRA. Ini bertujuan untuk memastikan sesuatu pengimportan itu tidak membawa risiko kemasukan perosak asing berbahaya ke negara ini yang boleh menjejaskan sektor pertanian, perhutanan serta mengancam industri hiliran yang berpotensi eksport yang penting bagi pembangunan negara.

2. Semua **organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu** yang berminat untuk mengimport artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan adalah **DINASIHATKAN** untuk menghantar **surat rasmi permohonan pengimportan** untuk tindakan selanjutnya yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :

Bil.	MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA ORGANISASI/PENGIMPORT/PENGEKSPORT/AGEN PENGHANTAR ATAU MANA-MANA INDIVIDU	Tandakan (✓) jika berkaitan
1.	Nama dan alamat penuh pengimport (No. Tel., No. Faks, E-mail)	
2.	Nama dan alamat agen penghantar (No. Tel., No. Faks, E-	

Bil.	MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA ORGANISASI/PENGIMPORT/PENGEKSPORT/ AGEN PENGHANTAR ATAU MANA-MANA INDIVIDU	Tandakan (✓) jika berkaitan
3.	Nama dan alamat penuh pengeksport (No. Tel., No. Faks, E-mail)	
4.	Nama saintifik/nama botanikal (genus dan spesies) konsainan/komoditi/produk tersebut	
5.	Nama biasa konsainan/komoditi/produk	
6.	Negara asal	
7.	Tempat asal konsainan/komoditi/produk yang ingin diimport (nama penuh dan alamat ladang/nurseri atau sumber konsainan/komoditi/produk tersebut diperolehi/ didapati di negara pengeksport)	
8.	Bentuk pengimportan (contoh biji benih/buah segar/anak benih pokok dan lain-lain lagi)	
9.	<i>Genetically modified organism (GMO)/Living Modified Organism (LMO)</i>	
10.	Tarif kod kastam	
11.	Gambar konsainan/komoditi/produk	
12.	Bahan pembungkus konsainan/komoditi/produk	
13.	Ketinggian anak benih pokok (kurang daripada 18 inci) jika berkaitan	
14.	Tujuan pengimportan (makanan manusia/tanam/ pemprosesan/makanan haiwan dan lain-lain lagi)	
15.	Kuantiti yang ingin diimport	
16.	Kekerapan pengimportan akan dijalankan setahun	
17.	Pintu masuk di Malaysia	
18.	Kaedah pengangkutan (melalui darat/laut/udara)	
19.	Kaedah pengimportan (kargo/kurier/ <i>hand carry</i>)	
20.	Kaedah penyimpanan konsainan/komoditi/produk sepanjang tempoh pengeksportan	

Bil.	MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA ORGANISASI/PENGIMPORT/PENGEKSPORT/ AGEN PENGHANTAR ATAU MANA-MANA INDIVIDU	Tandakan (√) jika berkaitan
21.	Jarak (km) dari tempat akhir konsainan disimpan setelah rawatan kuarantin/pembungkusan dijalankan di negara pengeksporth sehingga ke pintu keluar dan kaedah pengangkutan	
22.	Alamat akhir gudang/premis penyimpanan di Malaysia (Cth : Kawasan <i>Free Trade Zone</i> , FTZ)	
23.	Bagi tujuan penanaman nama dan alamat penuh tempat tersebut (ladang/nurseri di Malaysia)	
24.	Proses kerja atau carta alir dari peringkat awal sehingga ke proses akhir pengeksporthan konsainan/komoditi/produk tersebut di pintu keluar negara pengeksporth dan pintu masuk ke Malaysia iaitu : ● Tempat asal konsainan/komoditi/produk tersebut diperolehi di negara pengeksporth (ladang/nurseri/kilang/premis/makmal) ● Tempat pengumpulan ● Tempat makmal ● Tempat pemprosesan ● Tempat pembungkusan ● Tempat penyimpanan konsainan/komoditi/produk disimpan sebelum dan selepas rawatan kuarantin di negara pengeksporth dijalankan sehingga konsainan/komoditi/produk dihasilkan atau diperolehi di negara pengeksporth. ● Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan	
25.	Rekod ladang (pembajaan/penggunaan racun/perosak yang dikesan dan lain-lain)	
26.	Jenis rawatan yang dijalankan ke atas konsainan/komoditi/produk di negara pengeksporth	
27.	Tempoh perjalanan (bil. hari) dari tarikh pengeksporthan di pintu keluar negara pengeksporth sehingga ke tarikh tiba di pintu masuk di Malaysia	
28.	Salinan Kastam K1 – untuk kes yang pernah diimport tetapi belum dikenakan permit import oleh Jabatan Pertanian hanya tertakluk kepada pemeriksaan kuarantin di pintu masuk oleh pegawai MAQIS.	
29.	Salinan sijil Fitosanitasi (Phytosanitary Certificate, PC) dari NPPO pengeksporth untuk kes nama saintifik/nama botanikal (genus spp.)	
30.	Jabatan Pertanian berhak mendapatkan lain-lain maklumat	

Nota :

1. Jabatan Pertanian **TIDAK AKAN MEMPROSES** mana-mana permohonan pengimportan artikel terkawal, tumbuhan atau produk tumbuhan yang tidak lengkap diberikan oleh organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu.
2. Tempoh PRA di Para 1 adalah **6 – 24 bulan**; manakala bagi memasukkan nama spesies penuh yang sebelum ini menggunakan spp. sahaja atau penguatkuasaan keperluan IP yang dinyatakan di atas, tempoh PRA adalah **1 – 2 bulan bergantung kepada teknikal dokumen yang diterima daripada Pihak Berkuasa Kuarantin pengeksport dan maklumat-maklumat tambahan yang diperolehi daripada pengimport serta *literature finding*.**

8. Pengarah,
Lembaga Koko Malaysia
Cocoa Innovative and Technology Centre
Lot 12621, Kawasan Perindustrian Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Faks : 06-7941910
9. Pengarah,
Bahagian Sokongan Perdagangan & Industri
Seksyen Kawalan Eksport & Import
Ministry Of International Trade And Industry (MITI)
Block 10, Government Offices Complex,
Jalan Duta,
50622 Kuala Lumpur.
No. Faks : 03 – 6201 3012/2337
10. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Menara MATRADE,
Jalan Khidmat Usaha,
Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur.
No. Faks : 03-6203 7037
11. Timbalan Pengarah,
Seksyen Penguatkuasaan Import
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E1, E6, E7 & E10 Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.
No. Faks : 03-8888 6187
12. Ketua Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia
No. Faks : 03-88886906
13. Chairman,
Airfreight Forwarders Association Of Malaysia (AFAM)
No.16-B, Jalan Kemuja, 2nd Floor,
Bangsar Utama,
59000, WP Kuala Lumpur.
No. Faks : 03-2287 2592
14. Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA)
Wisma SFFLA
No. 23, Jalan Cemerlang,
42000 Port Klang,
Selangor Darul Ehsan
No. Faks : 03-3167 5243